

**INSPIRE**

INCLUSIVE   NEUTRAL   SENSIBLE   PROFESSIONAL   IMPRESSIVE   REFLECTIVE   ENTHUSIASTIC

BIL: 1

APRIL 2022



**PROFESOR DR. SABRI MUSA**

**TIMBALAN NAIB CANSELOR KE 14  
(HAL EHWAL PELAJAR)**

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Taala kerana dengan taufik dan Inayah-Nya majalah **INSPIRE** ini berjaya dihasilkan setelah satu tahun tidak bersiaran. Edisi kali ini tampak berbeza selari dengan perubahan dan keperluan semasa HEP di samping pasukan redaksi yang baru dan penuh bersemangat.

**INSPIRE** kali ini tampil sebagai medium penyampai maklumat dan perkongsian berita semasa kepada warga kampus, khususnya kepada para pelajar tentang aktiviti, peristiwa dan maklumat yang penting. **INSPIRE** ingin berkongsi aspirasi dan semangat HEP kepada semua tentang usaha dan peranan HEP dalam perkhidmatan yang diberikan dan usaha bersama dalam membangunkan modal insan pelajar sebagai aset berharga buat Negara. Ini selari dengan usaha Universiti dalam Pelan Tranformasi UM dan Pelan Strategik UM.

**INSPIRE** turut berhasrat membina hubungan lebih kukuh dengan pelajar UM dalam membangunkan bakat dan potensi serta menjadi platform untuk hebahan aktiviti semasa badan pelajar, kolej kediaman dan luar kampus. Kami menggalakkan pelajar menghantar karya-karya yang bermutu dalam pelbagai bentuk sama ada karya kreatif, puisi, penulisan artikel, lukisan kartun, pantun, sajak, seloka, syair dan pelbagai karya penulisan untuk dipaparkan dalam terbitan kami. Sudah pasti karya terpilih akan mendapat ganjaran yang bersetujuan. Kami juga mengalukan sumbangan idea dan tenaga daripada pelajar yang berminat dalam bidang penulisan majalah untuk menjadi ahli keluarga **INSPIRE**.

Kita ke arah peralihan Fasa Endemik dan pasti kampus kita kembali meriah dan lebih ceria seperti dulu.

Menjelang syawal berkunjung tiba, Selamat Menyambut Aidilfitri buat semua. Maaf Zahir dan Batin.

**Pena Editor**  
S. RAMLEE SHAMSUDDIN

# Kandungan

<b>PENA EDITOR</b>	<b>1</b>
<b>TINTA</b>	<b>2</b>
<i>Timbalan Naib Canselor HEP</i>	
<b>SERAUT BICARA</b>	<b>3</b>
<i>Timbalan Pendata BHEP</i>	
<b>PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN</b>	<b>4</b>
<b>TIMBALAN DEKAN/</b>	<b>5</b>
<b>PENGARAH (HEP) PTJ AKADEMIK</b>	
<b>CRONICLE</b>	<b>6-14</b>
<b>AKTIVITI PELAJAR</b>	<b>15</b>
<b>UMisGREAT</b>	<b>16</b>
<b>IDOLA PELAJAR</b>	<b>17</b>
<i>Muhammad Iskandar Hambali bin Abdul Halim</i>	
<b>UPDATE</b>	<b>18</b>
<b>UM@KOMUNITI</b>	<b>19</b>
<i>Misi Bantuan Banjir</i>	
<b>SIDANG REDAKSI</b>	<b>20</b>
<b>PENGHARGAAN SEKALUNG BUDI</b>	<b>21</b>

# Tinta

**TIMBALAN NAIB CANSelor [BHEP]**

**Profesor Dr. Sabri Musa**



Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T dengan izinNya Majalah INSPIRE, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) edisi Mac 2022 pada kali ini dapat diterbitkan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga BHEP atas usaha dan komitmen dalam merealisasikan penerbitan majalah ini.

Sesungguhnya, masa begitu pantas berlalu sehingga kita sudah menghampiri pertengahan tahun 2022. BHEP telah melalui beberapa proses transformasi dan terkini adalah pelaksanaan Pelan Strategik Kolej Kediaman yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 18 Oktober 2021. Justeru, begitu banyak cabaran dan usaha yang telah kita lalui tatkala dunia juga diuji dengan pandemik COVID-19. Namun begitu, warga BHEP tetap komited dalam memberikan khidmat bakti kepada pelajar bagi memastikan pembangunan siswa/siswi Universiti Malaya senantiasa diperkasa. Kini, kita telah beralih ke fasa endemik bermula pada 1 April 2022. Semoga dengan peralihan ini, BHEP akan terus unggul dengan pencapaian-pencapaian dalam semua peringkat sekaligus mengharumkan nama Universiti Malaya di persada antarabangsa.

Akhir sekali, ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan Al Mubarak dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri 1443H yang bakal tiba nanti. Semoga Ramadan pada kali ini membawa kesejahteraan dan keberkatan serta kehadiran Syawal yang penuh bermakna ini diraikan dengan kesyukuran bersama seribu keriangan.

# Seraut Bicara

TIMBALAN PENDAFTAR HEP

Puan Roziah Md Amin



Assalamualaikum wrt wbth dan Salam Sejahtera,

Terima kasih Sidang Redaksi INSPIRE, memberi saya peluang untuk menulis di dalam ruangan ini. Sejurnya saya amat teruja untuk menukilkan apa yang bermain di minda dan diharap perkongsian yang sedikit ini akan menjadi wadah refleksi buat saya dan warga kampus yang saya hormati.

Perkongsian saya kali ini akan menyentuh pada nilai teras (core values) Universiti Malaya iaitu Kesungguhan (Passionate), Perpaduan (Oneness), Integriti (Integrity), Keikhlasan (Sincerity) dan Empati (Empathy), yang lebih dikenali dengan singkatan P.O.I.S.E. yang menjadi prinsip warga UM dalam membudayakan kerja cemerlang, profesional dan korporat demi merealisasikan aspirasi Universiti Malaya untuk berkhidmat kepada negara dan memberi impak kepada dunia (serving the nation, impacting the world).

Sebelum ditukarkan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), saya berkesempatan untuk bekerjasama dengan warga Fakulti Perubatan. Kesempatan yang singkat iaitu selama satu tahun satu bulan tidak cukup untuk saya mendokong usaha murni Universiti untuk membudayakan P.O.I.S.E di kalangan warga Fakulti Perubatan, lalu saya mananamkan azam untuk melakukannya di BHEP agar usaha sedikit saya akan meningkatkan motivasi warga BHEP untuk bekerja dalam suasana yang harmoni dan saling berlumba mencapai misi melalui amalan P.O.I.S.E.

Sepanjang tempoh dua (2) bulan pertama di BHEP, saya berkesempatan melawat 5 zon penginapan pelajar dan berjumpa dengan staf operasi dari pelbagai gred, usia dan latar belakang kehidupan. Saya bertanyakan mereka apa yang difahami tentang nilai teras P.O.I.S.E yang dihasratkan oleh Pengurusan Universiti dan sejauh mana mereka mengamalkan nilai teras tersebut di tempat kerja mereka.

Benar seperti sangkaan saya, nilai teras yang begitu sempurna pemilihan maknanya masih belum begitu difahami segelintir warga, apa lagi untuk menjadikannya budaya. Maka saya mula mengadakan bual bicara dengan warga kolej kediaman tentang pembudayaan P.O.I.S.E di dalam kehidupan mereka. Di antara pandangan yang saya kongsikan dengan mereka ialah:

- Sukailah pekerjaan kita (passionate) kerana dgn menyukai apa yang dilakukan, kita akan menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan sempurna serta memberi lebih dari apa yang diminta.
- Amalkan semangat perpaduan (oneness) dalam penyampaian perkhidmatan, elakkan pertelingkahan dan pupuklah kemesraan tanpa membezakan antara pekerja, pelajar dan stakeholders kerana tindakan kita bukan sahaja mencerminkan keperibadian malah memberi impak kepada imej Universiti.
- Mengulangi dan mengingatkan diri, dalam melaksanakan tugas hendaklah kita berpegang kepada prinsip integriti, tidak melakukan sesuatu di luar batas insani, berlaku adil dan elakkanlah dari berbuat salah hanya untuk memenuhi cita-cita sendiri.
- Ikhlas dalam memberi dan ikhlas melakukan sesuatu pekerjaan tanpa ada niat yang tersembunyi, akan membawa kejayaan kepada organisasi.
- Sentiasa mempunyai empati dan menyantuni kerana setiap manusia ada cerita sendiri, dan tiada yang ingin menjadi malang dan lemah untuk meraih simpati.

Pembudayaan P.O.I.S.E di dalam sesebuah organisasi pasti dapat direalisasikan sekiranya setiap warga berusaha memperbaiki sikap dan tingkah laku diri dan menunjukkan tauladan yang baik.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR BATIN** buat semua warga kampus.

Salam hormat

# MENGENALI PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI MALAYA

Mulai Januari 2022, Pengurusan Kolej Kediaman telah melalui transformasi selari dengan Pelan Strategik Kolej Kediaman yang diputuskan oleh Universiti.

Mari kita mengenali pengurusan baru Kolej Kediaman seperti berikut :



**Encik Mizra Hilmi Abu Bakar**  
**PENGETUA  
KOLEJ KEDIAMAN KETIGA BELAS**



**Dr. Nor Hazrul Mohd Salleh**  
**PENGETUA  
KOLEJ KEDIAMAN UMEC, BACHOK**

**Encik Khuzairul Ahmad Sapin**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA**



**Encik Amer Faezzudden  
Ahmad Fazal**  
**PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN  
ZON 1 (KK1, KK2 & KK6)**



**Cik Dila Mohamed Dan**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK1**



**Puan Asneiza Ashari**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK2**



**Encik Muhammad Ridzwan Mohd Rashid**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK6**



**Puan Aliaa Diyana Azizuddin**  
**PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN  
ZON 2 (KK3, KK4 & KK7)**



**Encik Haris Shahrom**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK3**



**Puan Rogayah Abdul Khadir**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK4**



**Encik Muhammad Hasrul Khadir**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK7**



**Encik Abdul Malik Anuar**  
**PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN  
ZON 3 (KK5, KK8 & KK10)**



**Cik Nur Amirah Che Mud**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK5**



**Encik Hishamudin Razali**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK10**



**Cik Nur Arni Mohd Supardi**  
**PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN  
ZON 4 (KK11 & KK12)**



**Encik Zuhaili Zakaria**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK11**



**Encik Muhammad Zaid Hassan**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK8**



**Puan Nurul Suhada Anuar**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK12**



**Encik Muhammad Faiz Yusoff**  
**PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN ZON 5  
(KK9, RUMAH ANTARABANGSA,  
APARTMENT JEPUN & LUAR KAMPUS)**



**Encik Muhammad Abdul Rahman Zasari**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
KK9**



**Encik Khairul Falez Alies**  
**PENOLONG PENGURUS ASRAMA  
RUMAH ANTARABANGSA,  
APARTMENT JEPUN & LUAR KAMPUS**



# MARI KITA MENGENALI TIMBALAN DEKAN/ PENGARAH (HEP) PTJ AKADEMIK



**PROF. MADYA DR. KAMARUZAMAN  
NOORDIN**  
Akademi Pengajian Islam



**DR. MARDIAN SHAH OMAR**  
Akademi Pengajian Melayu



**DR. SR. HASNIYATI HAMZAH**  
Fakulti Alam Bina



**DR. SITI ZAIDAH ZAINUDIN**  
Fakulti Bahasa & Linguistik



**PROFESOR MADYA DR. MOHD EDIL  
ABD SUKOR**  
Fakulti Perniagaan & Ekonomi



**PROFESOR MADYA DR. BAHARUDIN  
IBRAHIM**  
Fakulti Farmasi



**DR. MOHD USMAN MOHD JUNAIDI**  
Fakulti Kejuruteraan



**PROFESOR MADYA DR. SURAYA HAMID**  
Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat



**PROF. MADYA DR. TENGKU AHMAD  
SHAHRIZAL TENGKU DAT' OMAR**  
Fakulti Perubatan



**PROF. MADYA DR. NORLIZA IBRAHIM**  
Fakulti Pergigian



**DR. MOHD NAZRI ABDUL RAHMAN**  
Fakulti Pendidikan



**DR. MUHAMAD SHAKIRIN MISPLAN**  
Fakulti Sains



**DR. NAJWA ROSLI**  
Fakulti Undang-Undang



**PROFESOR MADYA DR. HARIS  
ABD. WAHAB**  
Fakulti Sastera & Sains Sosial



**DR. MARLENNY DEENERWAN**  
Fakulti Seni Kreatif



**DR. MOHAMAD FAITHAL HAJI HASSAN**  
Pusat Sukan & Sains Eksesais



**DR. NOR AZLINA ABD AZIZ**  
Pusat Asasi Sains



**DR. NURLIANA KAMARUDDIN**  
Institut Asia Eropah



**PROF. MADYA DR. ZURAIDAH ABDULLAH**  
Pusat Pendidikan Berterusan  
(UMCCED)

Pada Disember 2021, negara dikejutkan dengan ujian banjir yang agak besar di Lembah Klang. Antara Kawasan yang paling terjejas adalah Taman Seri Muda dan Lanchung Jaya di Shah Alam dan Kawasan Hulu Langat, Selangor. Antara mangsa yang terbabit adalah staf HEP sendiri dan ramai juga warga UM di jabatan yang lain. Seperti biasa, HEP menggerakkan Misi Bantuan Mangsa Banjir dengan segera dan membantu mangsa banjir apabila dibenarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Bilik Gerakan Banjir Daerah.

YBrs. Profesor Dr Sabri Musa, TNC HEP turut meluangkan masa bersama isteri dan warga HEP membantu mangsa banjir dan kerja pembersihan sekolah dan rumah mangsa banjir di Shah Alam khususnya di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Muda Shah Alam. Antara kerja yang dilakukan adalah membersihkan kelas, membantu membuang perkakas rosak dalam kelas, memasak makanan untuk mangsa banjir dan membantu membuang sampah di kawasan padang sekolah.

Menurut Prof. Sabri Musa, "...Usaha ini adalah satu kebiasaan bagi warga HEP dan pelajar UM untuk terlibat dalam Misi Bantuan Banjir sejak dulu. Semangat kesukarelawanan ini telah dipupuk melalui aktiviti kesukarelawanan di peringkat kolej kediaman, fakulti dan badan pelajar berdaftar.



## TNC HEP UM DAN WARGA HEP MENYERTAI MISI BANTUAN BANJIR UM SHAH ALAM DAN HULU LANGAT




Terima kasih saya ucapan kepada semua sukarelawan UM..."

Antara kawasan yang paling terjejas juga adalah Kawasan Hulu Langat, Selangor. Menurut salah seorang sukarelawan dari kalangan pelajar, "...saya rasanya bila melihat banyak kerosakan telah berlaku kepada kediaman penduduk di Hulu Langat. Ada rumah yang terus dihanyutkan banjir dan tinggal tangga batu sahaja ... (ambil air mata menitis di pipi beliau). Ini menguatkan semangat kami untuk membantu mangsa banjir dan membantu sedaya upaya kami..." ujarnya penuh semangat!

Menurut En. Muhammad Izzat, Penyelaras Misi Bantuan Banjir HEP UM dan Pelajar UM. "...pelajar UM sangat bersemangat untuk membantu dalam misi ini. Kami (HEP) belum sempat pencarian sukarelawan, tetapi ramai pelajar yang berjumpa, menelefon saya untuk jadi sukarelawan. Saya kagum dengan mereka. Kita bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menjayakan Misi ini seperti NGO, masjid daerah Lanchung Jaya, pejabat Pendaftar UM, Badan pelajar berdaftar seperti SEKRUM, persatuan HARMONI, MPPUM dan pelajar kolej kediaman..."

Para sukarelawan seperti berkampung di Lanchung Jaya, Taman Seri Muda dan Hulu Langat bermula 21 Disember 2021 hingga 25 Disember 2021.



# Program Induksi Pengurusan

HAL EHWAJ PELAJAR UM 2022

Bahagian HEP telah mengadakan Induksi Pengurusan HEP 2022 pada 12 April hingga 13 April 2022 bertempat di Dewan Perdana 1, Kompleks Perdanasiswa.

Program ini telah disertai oleh semua Timbalan Dekan / Pengarah (HEP) PTj Akademik, semua Pengurus Kolej Kediaman, Penolong Pengurus Asrama dan semua Pegawai HEP.

“Ini adalah satu sejarah buat Universiti!..” inilah ungkapan YBrs. Prof Dr. Sabri Musa, Timbalan Naib Canselor HEP semasa menyampaikan amanat dan harapan beliau semasa pembukaan Induksi. Ini adalah kerana kali pertama Universiti mewujudkan jawatan ini dan Induksi ini sangat bermakna buat semua pemegang jawatan.

Program Induksi ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua pemegang jawatan yang dilantik tentang peranan dan fungsi portfolio Timbalan Naib Canselor (HEP) khususnya dalam urusan Hal Ehwal Pelajar. Program ini juga bertujuan untuk menyelaraskan proses kerja di antara pejabat pentadbiran Timbalan Naib Canselor (HEP) di Pusat dengan pejabat Timbalan-Timbalan Dekan/ Pengarah (HEP) serta pejabat Pengurusan Kolej Kediaman. Ini termasuklah urusan kebajikan pelajar, pembangunan sahsiah & kebolehpasaran pelajar, pengurusan aktiviti pelajar di fakulti, kolej kediaman, badan pelajar dan luar kampus.

Antara modul pengisian adalah Taklimat berkaitan urusan penginapan kolej kediaman, tatatertib pelajar, kebajikan pelajar dan kemudahan kolej kediaman. Pihak CCDE dan Klinik Kesihatan UM juga dijemput untuk berkongsi perkhidmatan yang disediakan kepada pelajar.

Mantan YDP KMUM dan Pengerusi, Sekretariat Presiden Kolej Kediaman juga dijemput menyertai sesi slot

Pengurusan Aktiviti Pelajar di peringkat HEP, Fakulti, Kolej Kediaman dan KMUM. Banyak pandangan dan maklumbalas positif diterima daripada mereka.

“Ini satu program yang berjaya memberi pendedahan dan maklumat berkaitan pengurusan HEP yang rencam. Semoga ada lagi siri perbincangan seperti ini bagi memperkasa pengurusan hal ehwal pelajar di semua peringkat..” ujar salah seorang peserta yang juga seorang Timbalan Dekan (HEP).

Program Induksi ini adalah satu permulaan yang baik bagi memantapkan pengurusan berkaitan pelajar dan banyak lagi sesi pertemuan dan perbincangan akan dilaksanakan selari dengan Pelan Strategik dan Pelan Tranformasi Universiti.



## *Selamat Bersara dan Terima Kasih atas Khidmat Bakti*



Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah meraikan semua pegawai dan staf BHEP yang bersara pada tahun 2021 dan awal tahun 2022 dalam satu majlis Penghargaan Persaraan & Pertukaran Staf HEP UM. Majlis ini adalah sebagai satu tanda penghormatan dan ucapan penghargaan atas khidmat bakti pegawai dan staf BHEP yang telah menghabiskan sebahagian besar usia mereka di Universiti Malaya. Selain itu juga majlis turut merakamkan penghargaan kepada staf yang bertukar jabatan ke jabatan lain demi kelangsungan kerjaya dan khidmat kepada Universiti dan negara.

Majlis ini diadakan di Pullman Hotel dan diraikan oleh Prof Dr Sabri Musa, Timbalan Naib Canselor (HEP) serta para pegawai HEP. Menurut Pengarah program, En. S.Ramlee Shamsuddin, "...majlis ini sangat bermakna buat semua staf yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi di jabatan ini. Majlis ini hanya secebis tanda rasa terima kasih atas budi mereka yang tidak ternilai..."

Antara yang bersara adalah Puan Noorhan Ali Yusoff, Mantan Timbalan Pendaftar (HEP). Beliau adalah pegawai paling senior di Universiti ini dan telah berbakti hampir di seluruh jabatan di UM ini. Majlis ini turut meraikan pertukaran Prof Dr Ir Abdul Aziz Abd Raman yang bertukar portfolio ke pejabat TNC Pembangunan.

Warga HEP mengucapkan Selamat Maju Jaya buat semua dan semoga sentiasa beroleh kesihatan yang berpanjangan.

## **BICARA RAMADAN: MEMBURU KEBERKATAN BULAN RAMADAN**

Pada 29 Mac 2022 yang lalu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan program, Bicara Ramadan : Memburu Keberkatan Bulan Ramadan. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan Ramadan dan mempersiapkan diri setiap muslim dalam menghadapi ketibaan Ramadan. Majlis ini diadakan di Auditorium Perdanaasiswa dan disertai seramai 160 orang staf dan pegawai Hal Ehwal Pelajar secara hybrid (bersemuka dan atas talian).

Penceramah jemputan kali ini adalah Dr Mahyudin Daud, Pensyarah APIUM. Beliau telah berkongsi dengan semua audiensi kepentingan menghayati Ramadan dan ibadat berpuasa seperti yang diperintah Allah Taala serta perbincangan hukum hakam berpuasa. Majlis ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Majlis turut mengadakan jamuan ringan secara 'potluck' dan ini secara tidak langsung mengeratkan tali persaudaraan sesama staf. Majlis cukup sederhana tetapi memberi kesan di hati setiap warga HEP.

Kami ingin mengucapkan **RAMADAN KAREEM!** Buat semua warga HEP dan Universiti Malaya.



# PERJUMPAAAN TIMBALAN PENDAFTAR BHEP BERSAMA PENGURUS/ PENGETUA & STAF KOLEJ KEDIAMAN

Pelan Strategik Kolej Kediaman telah mula dilaksanakan mulai Januari 2022. Pengurusan Kolej Kediaman telah melalui proses transformasi dan diuruskan oleh Pengurus Kolej Kediaman di lima Zon pentadbiran. Manakala Kolej Kediaman 13 dan Pusat Pendidikan UM Bachok masih kekal dengan pentadbiran Pengetua.

Dalam memastikan urusan pentadbiran kolej kediaman berjalan dengan lancar, maka Puan Rozitah Md Amin, Timbalan Pendaftar (HEP) bersama pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar yang lain telah mengadakan siri lawatan dan perbincangan secara berkala bersama pengurusan Kolej Kediaman di setiap Zon sepanjang bulan Mac 2022. Lawatan yang sangat bermakna kepada pengurusan kolej kerana di samping nasihat dan sesi perkenalan, sesi ini juga bertujuan mendapatkan pertukaran idea dan cadangan daripada semua staf bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pelajar.



Sudah menjadi rutin bagi BHEP untuk membuat persediaan Audit Kualiti setiap tahun bagi mempastikan amalan kerja berkualiti diteruskan. Untuk itu, pada 14 Februari – 18 Mac 2022, BHEP telah mengadakan Audit Kendiri bagi memastikan urusan kerja mengikut prosedur dan dokumen kualiti yang ditetapkan. Ianya juga diharapkan akan membantu urusan p e n a m b a h b a i k a n sebelum Audit Kualiti Dalaman dan Audit SIRIM.

Audit kendiri ini dijalankan sendiri oleh para pegawai HEP yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan audit dibuat ke semua Seksyen dan Unit di BHEP. Urusan audit diselaraskan oleh Unit Tatatertib dan Kualiti (UTK).

# AUDIT KENDIRI DALAMAN HEP 2022

# BENGKEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN POLITIK KAMPUS



Bahagian HEP UM telah menyertai Bengkel Pembangunan Garis Panduan Politik Kampus di Mercure Hotel Penang Beach, Pulau Pinang anjuran Majlis Tatatertib Dan Disiplin-Disiplin Universiti Malaysia (MATDUM) pada 31 Mac 2022 – 2 April 2022 yang lalu. Pegawai HEP yang menghadiri bengkel ini adalah Puan Roziah Md Amin, Timbalan Pendaftar (HEP), Cik Salbiah Sirajudin, Pegawai HEP dan Puan Syazwani Rosli, Pegawai Undang-undang UM.

Tujuan utama bengkel tersebut adalah untuk menyediakan satu garis panduan politik kampus selaras dengan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Ianya berkaitan dengan kebebasan kepada pelajar Universiti untuk terlibat dengan aktiviti politik mengikut sistem demokrasi. MATDUM telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan satu garis panduan politik kampus untuk digunakan oleh semua Universiti Awam dan Penggubalan Garis Panduan Pelajar Berpolitik Di Dalam Kampus telah berjaya dilaksanakan.

Seramai 20 orang pelatih SUKSIS dan PALAPES Universiti Malaya diriungi 2 orang jurulatih SUKSIS telah menyertai lawatan ke program DEFENCE SERVICES ASIA 2022 (DSA 2022) DAN NATIONAL SECURITY ASIA 2022 (NATSEC ASIA 2022) bertempat di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) dari 28 hingga 31 Mac 2022. Program ini sangat bermakna untuk pelajar kerana ini merupakan pameran Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri.

Menurut Sarjan Suzaida Mat Radzi, Jurulatih SUKSIS, "... DSA 2022 mengetengahkan kelengkapan canggih bagi perperangan elektronik di darat, udara, laut, domain siber, perlindungan sempadan, pengenalan warganegara, teknologi kecerdasan buatan (AI), produk dan teknologi penjagaan kesihatan medan perang, sistem latihan & simulasi, peranti polis dan keselamatan tanah air serta sistem perlindungan aset kritikal . Lawatan ini sangat bermakna buat kami dan pelatih. Ini akan meningkatkan minat mereka terhadap sistem pertahanan negara...".

Tujuan lawatan kepada peserta adalah untuk mengenali teknologi Ketenteraan, Keselamatan Negara untuk Asia, yang meliputi Penguakuasaan Undang-undang, Keselamatan Dalam Negeri dan Kawalan Sempadan. Pameran ini adalah anjuran Kementerian Pertahanan Malaysia dengan Kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan DSA Exhibition & Conference .



## LAWATAN SUKSIS DAN PALAPES KE PROGRAM DEFENCE SERVICES ASIA 2022 (DSA 2022) DAN NATIONAL SECURITY ASIA 2022 (NATSEC ASIA 2022)



**LATIHAN MENEMBAK  
RAIFAL M-16 REVOLVER 38  
DAN MAJLIS PENUTUPAN  
LATIHAN MENEMBAK  
KOR SUKSIS  
UNIVERSITI MALAYA**

Seramai 163 orang pelatih Kor SUKSIS Universiti Malaya telah menjalani latihan menembak dengan menggunakan Raifal M16 dan Revolver 38 pada 20 Mac 2022 bertempat di Lapang Sasar Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong, Pahang. Latihan ini dianjurkan oleh Kor SUKSIS UM dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur dengan tujuan memberi pengalaman kepada pelatih merasa sendiri penggunaan senjata PDRM. Latihan ini turut dihadiri oleh ACP Samad Bin Yahya (Timbalan KJPJKK (Operasi) IPK KL, DSP/KS Mohd Hairolnezam Bin Kahmis (Ajutan KOR SUKSIS UM) , ASP/KS Rozaini Abdul Majid (Pegawai Akademik KOR SUKSIS UM), jurulatih dan tenaga pengajar.



# WARGA HEP MEMBANTU STAF JABATAN YANG TERJEJAS!

Seramai lapan orang staf jabatan HEP telah terjejas akibat banjir besar yang melanda Lembah Klang pada akhir tahun 2021 lalu. Kediaman mereka terletak di Kawasan Taman Seri Muda Shah Alam, Meru, Klang dan Shah Alam. Salah seorang mangsa, En Rosli memaklumkan INSPIRE "...rumah saya tenggelam habis dan semua perabut rumah, barang elektrik rosak dan tak banyak yang dapat diselamatkan. Ini ujian untuk saya dan keluarga..."

Bahagian Hal Ehwal Pelajar menggerakkan bantuan Tabung Kilat bagi membantu setiap staf HEP yang terjejas. Hasil kutipan kilat diagihkan dengan segera kepada staf terlibat untuk mempastikan mereka dapat menggunakan wang tersebut untuk keperluan mereka.

Pada masa yang sama, HEP turut menggerakkan pasukan sukarelawan staf untuk membantu membersihkan kediaman rumah staf yang terjejas. Menurut Ketua pasukan ini, En. Hafizul, "...kami mengumpulkan staf yang berkelapangan untuk membantu staf terjejas. Kami membantu apa yang boleh bagi meringankan beban mereka dengan membersih, mengemas rumah, dan membuang perabut yang rosak. Alhamdulillah, ada sedikit keceriaan rakan kami, walaupun mereka sedang bersedih..."

Bagi pihak seluruh warga HEP, kami mendoakan semoga mereka tabah dengan ujian ini dan bangkit kembali untuk meneruskan kehidupan seperti biasa.



## TRAINING OF TRAINERS (TOT) TENAGA PENGAJAR INNOVATION & TECHNOLOGY CHALLENGE (In-TECH'21)



19 & 20 Mac 2022 (Dalam Talian)  
25 – 28 Mac 2022 (Fizikal)  
Microsoft team & Hotel Crystal Crown

Program Training Of Trainers (Tot) Tenaga Pengajar Innovation & Technology Challenge (In-Tech'21) ini dijalankan bertujuan memberikan persiapan kepada kesemua tenaga pengajar untuk membimbing para peserta yang bakal mewakili IPT mereka. Para peserta diberikan pendedahan mengenai bidang pembangunan aplikasi mobile. Peserta program pada kali ini juga akan memainkan peranan selaku mentor bagi pasukan yang mereka kendalikan nanti.


Program ini dibayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan diselaraskan oleh Universiti Malaya di bawah Pusat Kebolehpasaran Graduan, keusahawanan & Pembangunan Pelajar (PKGPP).



Menurut Ketua Projek ini, Dr Iskandar Abdullah, " Pelbagai maklumat baharu dapat diperolehi oleh para peserta dalam program ini yang memastikan mereka benar-benar memahami skop serta ciri-ciri aplikasi yang akan dibangunkan bagi memenangi pertandingan ini. Peserta program ToT yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang ICT turut mula menunjukkan minat untuk mendalami ilmu pembangunan aplikasi yang mengutamakan bidang keusahawanan ini..."

Program ini turut dijadikan gambaran awal sebelum berlangsungnya Bootcamp bagi peserta yang akan bertanding mewakili IPT masing-masing. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang digariskan.

# IDEALAB



6 JANUARI 2022


IdeaLab merupakan sebuah program yang dianjurkan Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan & Pembangunan Pelajar (PKGPK) bertujuan untuk menggalakkan sesi perkongsian mengenai dunia kerjaya khususnya dalam dunia keusahawanan. Dalam sesi kali ini peserta yang hadir mendapat perkongsian mengenai keusahawanan dalam bidang penjagaan kulit yang mana iaanya dapat menarik minat bukan sahaja mereka yang mempunyai latar belakang dalam bidang perniagaan sahaja malah turut menarik minat pelajar jurusan lain seperti perubatan dan sains.

Menurut En Shaary Mat Din, Ketua Projek ini “..Sesi Idealab pada kali ini disampaikan oleh Dr. Maryam Abimbola Mikail yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Mimia Sdn. Bhd yang mana beliau lebih memberikan penekanan mengenai penghasilan produk penjagaan kulit yang berasaskan tumbuhan tempatan di Malaysia. Pelajar diharapkan dapat mempelajari sesuatu berkaitan industri dan membuka minat mereka dalam bidang perniagaan..”

Seramai 45 orang pelajar telah menyertai seminar ini yang diadakan secara dalam talian. Banyak lagi siri-siri IdeaLab akan diadakan untuk memperkasa minat pelajar dalam perniagaan dan keusahawanan. **TUNGGU MAKLUMAN DAN NOTIS DARIPADA KAMI!!**

## MYCAREER@KABEL

Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar tahun akhir tentang perkara berkaitan pembangunan kerjaya. Program ini diharapkan dapat membantu mereka untuk membuat persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan. Kali ini, pihak BHEP mengadakan program dengan kerjasama syarikat Kabel dan disertai seramai 22 orang. Untuk makluman Kabel adalah satu aplikasi mencari pekerjaan yang menggunakan konsep swipe right.



## PROGRAM GRADUATE UPSKILLING TRAINING (GUT) MICROSOFT POPULAR TOOLS (EXCEL)

24 & 27 JANUARI 2022



Program ‘Graduate Upskilling Training’ (GUT) adalah sebuah program latihan yang diperkenalkan oleh Universiti Kebolehpasaran Graduan & Kerjaya (UKK), Pusat Kebolehpasaran Graduan, Keusahawanan &

Pembangunan Pelajar (PKGPP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi meningkatkan kemahiran graduan warganegara yang masih berstatus ‘Belum Bekerja’ di dalam Sistem Kajian Pengesahanan Graduan (SKPG 1) bagi tujuan “Meningkatkan Kemahiran” sebagai salah satu elemen ke arah kebolehpasaran graduan. Program ini diadakan secara dalam talian dengan kerjasama Kuseru Consultancy. Seramai 46 pelajar telah menyertai program ini dan amat berpuashati dengan aktiviti yang



## PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH-UM FUTURE READY GRADUATES: MODUL KREATIVITI DAN KOMUNIKASI

25 - 27 MAC 2022  
HOTEL SERI MALAYSIA BAGAN LALANG, SUNGAI PELEK, SELANGOR

Program ini merupakan inisiatif baharu PKGKPP yang dirangka selari dengan **UM Strategic Plan, Pillar 2: Teaching & Learning** dalam meningkatkan kemahiran insaniah dan psychological capital pelajar Universiti Malaya melalui program yang dinamakan Precision Intervention. Matlamat utama program ini adalah untuk mendidik dan menggalakkan pelajar-pelajar Universiti Malaya (UM) dalam kreativiti, kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, integriti, keberanian, kecerdasan emosi, ketahanan, kemahiran menyesuaikan diri dan kesedaran (mindfulness) sepanjang pengajian mereka di UM.



## UNIVERSITY MALAYA LEADERSHIP & TEAMWORK (UM LEAD-T)


18 - 20 MAC 2022  
HOTEL SERI MALAYSIA BAGAN LALANG, SUNGAI PELEK, SELANGOR



## PROGRAM TEMU DUGA TERBUKA BERSAMA MYFUTURE JOBS

BHEP telah mengadakan Program Temu Duga Terbuka Bersama Myfuturejobs dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO.

16-17 MAC 2022  
AUDITORIUM KOMPLEKS PERDANASISWA, UM



Program ini adalah bertujuan untuk :

1. Sebagai inisiatif bagi meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan yang 2. menganggur
- Penganjuran program temu duga terbuka yang menawarkan peluang pekerjaan bersama syarikat-syarikat ternama di seluruh negara
3. Program temu duga ini dianjurkan untuk menawarkan pekerjaan khusus kepada para siswazah yang sudah menamatkan pengajian dan masih belum mendapat pekerjaan dan lain-lain.

Seramai 72 pelajar dan graduan UM telah menghadiri temu duga ini sepanjang 2 hari program berlangsung.

# JALINAN KERJASAMA DEMI KEBAJIKAN PELAJAR TERJAGA

Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Urusan Hubungan dan Kebajikan Pelajar, Seksyen Pentadbiran & Perkhidmatan bersedia membina jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi samada Kerajaan atau swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan demi hasrat membantu dan memperkasa aspek kebajikan kepada pelajar yang memerlukan. Tujuan utama usaha ini adalah untuk mendapatkan sumbangan supaya dapat dipanjangkan kepada para pelajar. Bantuan diperolehi dalam pelbagai bentuk antaranya berupa elauan makan minum, peranti pembelajaran dan makanan kering serta keperluan harian. Berikut adalah antara usaha kami bagi tahun 2021 dan pihak kami amat menghargai setiap sumbangan pihak penyumbang dan mengharapkan agar kerjasama ini terus terjalin demi kebajikan pelajar.



MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH (MUIS) menyumbang RM 751,900.00 kepada semua pelajar Sabah di UM dalam tempoh Perintah Kawalan pergerakan.



YBHG. TAN SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL menyumbang 600 kit kuarantin yang bernilai RM150.00 setiap satu.

YAYASAN MAHAKARUNA menyumbang makanan kering dan keperluan peribadi bernilai RM35,000



Pada tahun 2022 ini kami berusaha menjalin kerjasama dengan lebih banyak lagi agensi dan berharap pelajar yang memerlukan akan mendapat bantuan yang sewajarnya.

## SEBARANG PERTANYAAN ATAU MAKLUMAT LANJUT

Urusan Kebajikan Pelajar  
Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan Pelajar  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Aras 2, Blok E, Kompleks Perdanaasiswa  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telefon: 03-7967 7750 (pejabat)  
Email: srw\_hep@um.edu.my




YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YAPEIM) menyumbang RM288,00.00 kepada para pelajar B40 terpilih yang terkesan Covid



YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM) menyumbang 100 kotak makanan yang bernilai RM150.00 setiap satu.



MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) menyumbang 150 paket makan malam setiap jumaat (Oktober – Disember). Setiap paket bernilai RM10.00.



BURSA MALAYSIA menyumbang 26 buah komputer riba bernilai RM3,000.00 setiap satu.

## 7'S GAME TOURNAMENT



Pada 21 hingga 27 mac 2022 yang lalu, Jawatankuasa Kerja Perkembangan Sukan dan Rekreasi (JKP SUKREA), Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba) telah menganjurkan Projek 7's Game Tournament. Ini adalah merupakan satu inisiatif program Sukan yang berfokuskan kepada tiga buah kolej di Lingkungan Budi iaitu, KK3, KK4 dan KK7 dengan bertujuan mengembalikan semangat kesukuan dalam kalangan pelajar.



Menurut Sdr. Zawir Zakwan Shamsul Kamal, Ketua Projek ini "...Sebanyak lima (5) jenis acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola jaring, bola baling, bola tampar, futsal dan tarik tali bagi kategori lelaki dan perempuan. Penyertaan yang sangat memberangsangkan daripada mahasiswa di Lingkungan Budi menunjukkan projek ini mendapat sambutan yang sangat baik..."

Pemenang johan keseluruhan disandang oleh KK4 dengan merangkul sebanyak 3 Emas, 4 Perak dan 2 Gangsa. Tempat kedua pula di sandang oleh KK3 dengan 3 Emas dan 1 Perak, manakala KK7 jatuh pada kedudukan ketiga dengan 1 Emas, 2 Perak dan 5 Gangsa. Setiap peserta dari 5 acara sukan ini diberikan sijil penyertaan, merit, medal bagi pemenang tempat pertama, tempat kedua, tempat ketiga dan juga trofi bagi kolej yang menjadi johan keseluruhan. Syabas KK7!!

**21 HINGGA 27 MAC 2022  
KOLEJ KEDIAMAN KETUJUH (ZA'BA)**



### INTERVARSITY CORPORATE STRATEGY CHALLENGE (ICSC) 2022

25 MAC 2022 - 26 MAC 2022

Kelab Perakaunan Universiti Malaya (UMAC) telah menganjurkan satu program peringkat kebangsaan bertajuk INTERVARSITY CORPORATE STRATEGY CHALLENGE (ICSC) 2022. Seramai 60 orang peserta daripada pelbagai IPTA dan Kolej telah menyertai program ini.

Program ini sangat berjaya dan telah mendapat tajaan daripada 8 penaja dalam bentuk kewangan dan 20 penaja dalam bentuk barang. Secara keseluruhannya program ini sangat berjaya dan memberi kesan yang positif kepada para peserta khususnya dalam mempertingkatkan profesionalisme mereka.

### MALAYSIAN ACCOUNTING STUDENTS CONVENTION (MASC) 2022

2 MAC 2022 - 5 MAC 2022

Seramai 165 orang peserta daripada pelbagai Universiti dalam jurusan akaun, ekonomi, kewangan dan perniagaan dan pentadbiran telah menyertai Konvensyen yang cukup bersejarah. Kali ini kami adakan secara dalam talian.

Program selama 4 hari ini sangat memberi makna kepada para peserta terutama dalam meningkatkan kemahiran, ilmu dan profesionalisme mereka.



# TAHANIAH DAN SYABAS!!!

MUHAMAD SHAFIQ BIN MAT RAMIYANI  
(Mahasiswa Fakulti Perniagaan & Ekonomi Universiti Malaya)

**TEMPAT KETIGA**  
**REALITY SHOW MOHE STAR BIZ CHALLENGE – TAIKUN MUDA** anjuran  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) dan TV AL HIJRAH.



Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sedang menganjurkan Program Keusahawanan: Reality Show MoHE Star Biz Challenge – Taikun Muda yang telah bermula sejak bulan Oktober 2021. Salah satu objektif program ini adalah untuk membuka peluang kepada usahawan pelajar menonjolkan diri melalui idea-idea segar, kreatif dan inovatif dan menjadi usahawan berjaya pada masa hadapan.

Setelah bersiaran bermula 29 Oktober 2022 hingga 30 Mac 2022, akhirnya pelajar UM, yang juga calon tunggal UM telah mendapat tempat Ketiga dalam program ini.

## MNUDC 2022

15TH OF APRIL TILL THE 17TH OF APRIL 2022

Malaysian Nationals Universities Debating Championship (MNUDC) 2022 is one of the most prestigious debating tournaments in the whole of the Malaysian debating circuit. Every year, Malaysian Nationals is hosted in two formats. The first of which is conducted in the British Parliamentary format (2 per team) and is branded as Malaysia National Intervarsity Debating Championship (MNIDC). Our team from Malaya won the last year's edition of MNIDC. MNUDC, on the other hand, is the Asian Parliamentary format (3 per team) of Malaysian Nationals. Our university has won 3 consecutive Nationals in the last couple of years. MNUDC 2022 was participated by 28 teams from 12 institutions and was held virtually from the 15th of April till the 17th of April 2022. Our university sent a total of 3 teams and 1 adjudicator.

The teams are as follows:-

### MALAYA 1:

KUHAN KARTTIKEYN, MUHYUDDIN AHSAN AND CATHERINE ALICIA NATHAN

### MALAYA 2:


MELVEER JAY SINGH, RASHRVIN PILLAY AND HARITH DANIAL

### MALAYA 3:

AMER AIMAN, IMRAN ZAMIL AND MIZA E SHAFA

### ADJUDICATOR: THEN KHAI YANG

For the 4th consecutive time, Team Malaya 1 emerged as the Overall Champions of the Malaysian National University Debating Championship (MNUDC) 2022! Congratulation !!!





## NAMA:

Muhammad Iskandar Hambali  
bin Abdul Halim

## TAHUN PENGAJIAN:

Tahun 4

## FAKULTI:

Akademi Pengajian Islam

## PENGALAMAN KEPIMPINAN

1. Presiden Kolej Kediaman Kinabalu 2019/2020
2. Sekretariat Presiden Kolej 2019/2020
3. Presiden Luar Kampus (Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus) 2020/2021

## SUMBANGAN KEPADA PELAJAR / UNIVERSITI

1. Pemudahcara Mahasiswa Kolej Kediaman Kinabalu 2019/2020.
2. Pemudahcara Mahasiswa Sentral 2020/2021.
3. Fasilitator Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama Universiti Malaya (Fasa 2)
4. Juara Karnival Teater Universiti Malaya 2019/2020 (KARVITER).
5. Timbalan Pengarah Festival Kesenian dan Kebudayaan Kinabalu (FESKEK)
6. Sekretariat Nur AL-Falah (SNAF)
7. Ketua Fasilitator Program Pendidikan "U May Know UM" anjuran Mahasiswa Anak Melaka Universiti Malaya (MAKMUM)

INSPIRE akan mengetengahkan bakat-bakat pelajar UM yang berpotensi besar dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan, kesenian, sukan, keusahawanan, kerohanian, kesukarelawanan dan kecermerlangan akademik untuk menjadi inspirasi kepada rakan pelajar yang lain. Kali ini INSPIRE ingin memperkenalkan **SAUDARA MUHAMMAD ISKANDAR HAMBALI BIN ABDUL HALIM**. Seorang pelajar yang sangat aktif dengan pelbagai aktiviti dan menjadi pemimpin pelajar yang dihormati.



## KENANGAN TAK BOLEH DILUPAKAN DI UNIVERSITI MALAYA

Kenangan yang tidak dapat dilupakan sewaktu di Universiti Malaya adalah apabila saya terlibat dengan pelbagai jenis aktiviti yang mana saya banyak memimba pengalaman untuk menguruskan sesuatu aktiviti itu dan saya juga tidak dapat lupakan apabila dapat berjumpa dengan kenalan baru menerusi aktiviti dan program yang saya terlibat.


## KATA KATA SEMANGAT DAN NASIHAT BUAT PELAJAR

Peluang belajar di Universiti Malaya berkemungkinan adalah sekali sahaja seumur hidup. Oleh itu, jangan sia-siakan setiap detik yang berharga ketika belajar di UM dan ciptalah seberapa banyak pengalaman yang boleh untuk menjadi kenangan pada masa akan datang.

## HARAPAN KEPADA UNIVERSITI

Harapan saya adalah agar Universiti Malaya akan sentiasa bersedia untuk menjadi sebuah varsiti yang terbaik bagi melahirkan para ilmuwan dan sentiasa menjadi yang terbaik di Malaysia sesuai dengan cogan kata yang sering diungkap iaitu "UM is ONE"

INSPIRE ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya buat Sdr Iskandar. Beliau sedang menjalani latihan Industri dan akan menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda. Moga kejayaan sentiasa mengiringi beliau. Syabas!!



MONDAY

TUESDAY

day:

month:

## ANJURAN PUSAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN, KEUSAHAWANAN & PEMBANGUNAN PELAJAR (PKGKPP)

SATURDAY

- 20-22 MEI - HIRE ME NOW X CAREERKIT@UKK  
- PROGRAM I LEAD KERJAYA

- 21 MEI - PROGRAM DNA ROAD TOUR: CAMPUS OUTREACH TAHUN 2022  
- ETHICS AND SUSTAINABILITY: THE ROLE OF YOUTH  
- PROGRAM DNA ISKEN  
- PROGRAM BERSAMA PUSAT DIALOG

- 26-28 MEI - BOOTCAMP PELAJAR PROGRAM INTECH-21

- 4-5 JUN - PROGRAM LITERASI KEWANGAN & PERSEDIAAN KERJAYA

SUNDAY

20-22 MEI - BENGKEL PENYELARASAN PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN UM  
**ANJURAN BHEP**

## ANJURAN SUKSIS

13-16 MEI - KURSUS ETIKA DAN PENGURUSAN INTEGRITI PDRM

Note:

13-16 MEI - KURSUS PERTOLONGAN CEMAS DAN MENYELAMAT

4-6 JUN - PERKEMAHAN INTERAKSI ANTARA SKUAD

## PERKAMDINGAN KARYA KREATIF PELAJAR UNIVERSITI MALAYA

**HADIAH SAGUHATI RM 50.00**  
kepada 3 karya yang terpilih

Terbuka kepada semua  
Pelajar Universiti Malaya.  
Dalam bentuk penulisan kreatif,  
puisi, lukisan dan sebagainya.  
Tiada limitasi penyertaan  
setiap pelajar.



Sila hantar karya anda ke [hep@um.edu.my](mailto:hep@um.edu.my)



**UM@KOMUNITI**  
Bersama Mempertegas Komuniti

# Misi Bantuan Banjir

PELAJAR UNIVERSITI MALAYA



**TARIKH:** 25 Disember 2021

**LOKASI:** Sekolah Kebangsaan Sri Muda, Shah Alam Selangor

**JUMLAH PELAJAR:** 74 Orang

**TARIKH:** 11 & 12 Mac 2022

**LOKASI:** Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Kuala Berang, Terengganu

**ANJURAN:** Sekretariat Sukarelawan UM dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Terengganu UM

**JUMLAH PELAJAR:** 29 Orang



**TARIKH:** 1&2 JANUARI 2022

**LOKASI:** Lancang & Mentakab Pahang

**JUMLAH PELAJAR:** 19 orang





# Sidang Redaksi

**PENASIHAT 1**

PROF. DR. SABRI MUSA  
TIMBALAN NAIB CANSELOR

**KETUA**

ENCIK S. RAMLEE SHAMSUDDIN  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN

**EDITOR BAHASA MELAYU**

ENCIK S. RAMLEE SHAMSUDDIN  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN

**EDITOR BAHASA INGGERIS**

CIK NADIA SYAHIRA ROSLI  
PENOLONG PENDAFTAR

**PENYELARAS LAMAN WEB BHEP**

EN. MOHD FAIS ISMAIL  
PENOLONG PENDAFTAR

**PENYELARAS PEREKA GRAFIK**

ENCIK MAZLAN SAMSUDIN  
PEMBANTU TADBIR KANAN (PERKERANIAN/OPERASI)

**PENYELARAS TEKNIKAL**

EN. MOHD RIDHWAN BIN MOHD EZAD  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

**PENYELARAS MEDIA SOSIAL**

CIK NUR AMNI MOHD SUPARDI  
PENOLONG PENDAFTAR

**PENYELARAS KERATAN AKHBAR**

ENCIK AZEERIN AHMAD  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

**PENASIHAT 2**

PUAN ROZITAH MD. AMIN  
TIMBALAN PENDAFTAR

**PEGAWAI PERHUBUNGAN BERITA****KOLEJ KEDIAMAN**

PUAN ALIAA DIYANA BINTI AZIZUDDIN  
PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN ZON 2

**PUSAT KEBOLEPASARAN GRADUAN, KEUSAHAWANAN & PEMBANGUNAN PELAJAR**

PUAN HAFIZAH HARON  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

**SEKSYEN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN FASILITI**

PUAN SITI AMINAH MAT AMIN  
PEMBANTU TADBIR KANAN (PERKERANIAN/OPERASI)

**SEKSYEN KAUNSELING & PENGURUSAN PSIKOLOGI**

ENCIK KHAIRULDIN ISMAIL SALIM  
PEMBANTU TADBIR KANAN (PERKERANIAN/OPERASI)

**SEKSYEN PENTADBIRAN & PERKHIDMATAN**

PUAN ROHaida ISMAIL  
PEMBANTU TADBIR KANAN (PERKERANIAN/OPERASI)

**SUKSIS**

PUAN NOR AISHAH ABU KASIM  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

Sebarang maklum balas boleh emailkan ke [hep@um.edu.my](mailto:hep@um.edu.my)



# Penghargaan Sekalung Budi

## PELANTIKAN BAHRU



PN. NUR AWATIF ROSLAN  
Penolong Pendaftar  
FAKULTI SAINS KOMPUTER &  
TEKNOLOGI MAKLUMAT

## BERTUKAR JABATAN



EN. MOHD HAIRIL ZAINAL ABIDIN  
Penolong Pendaftar  
ke  
PUSAT PENYELIDIKAN  
KESEJAHTERAAN SOSIAL  
(SWRC)



PN. NOR AZURA ADNAN  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)  
ke  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN  
JABATAN PENDAFTAR



PN ASMAH JAMALUDIN  
Pembantu Tadbir (N22)  
ke  
FAKULTI SASTERA & SAINS SOSIAL



PN NORMADIYAH SHAFII  
Pembantu Tadbir (N22)  
ke  
FAKULTI PERUBATAN



EN. MUHD NA'AIM  
MUHD NOH  
Pembantu Operasi  
ke  
PUSAT PENTADBIRAN &  
PERKHIDMATAN  
AKADEMIK (AASC)



EN. MOHD NASARUDIN  
SAJIAN  
Pembantu Operasi  
ke  
FAKULTI SASTERA & SAINS SOSIAL

Bahagian Hal Ehwal Pelajar



Aras 2, Blok E, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya



hep@um.edu.my



www.hep.um.edu.my



HEPAum



hep\_um